

25 NOV 1996

PEMIMPIN APEC PAKAI BARONG PADA SIDANG KEMUNCAK

SUBIC BAY, 25 Dis (Bernama) -- Sebagaimana halnya dengan 17 lagi pemimpin negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelihatan begitu tampan apabila memakai "barong tagalog" ketika tiba di Leaders' Hall untuk persidangan kemuncak Apec di sini hari ini.

Inilah kali kedua para pemimpin berkenaan memakai pakaian rasmi negara tuan rumah ketika menghadiri mesyuarat Apec. Mereka memakai baju "batik" ketika bersidang pada sidang Apec 1994 di Bogor, Indonesia.

"Barong" yang dipakai oleh para pemimpin itu hari ini dihadiahkan oleh Presiden Filipina, Fidel Ramos.

Baju itu yang diperbuat daripada kain tenunan tangan adunan 50 peratus sutera Filipina dan 50 peratus serat daun nanas, direka oleh pereka fesyen Filipina Jeanne Margaret Goulbourn.

Beliau telah mendapatkan khidmat tukang sulam dari wilayah Laguna yang masyhur dengan seni itu di Filipina, untuk membuat sulaman tangan pada baju itu.

"Barong tagalog" untuk pemimpin Apec itu merupakan hasil perkongsian antara Goulbourn dan seorang ahli perniagaan Korea Selatan, Eun Il Lee.

Walaupun setiap helai barong itu mempunyai corak tersendiri, semuanya mempunyai ciri-ciri persamaan dalam gambaran tingkap rumah lama di Vigan, Ilocos Sur, sebuah wilayah utara Filipina, dan sawah padi yang sedia untuk dituai. -- BERNAMA

MAM SHY NMO